

Analisis Situasi Semasa Penggunaan Buku Audio Kanak-Kanak dan Kepuasan Ibu Bapa di Zhengzhou, China

(Current Situational Analysis of Children's Audiobook Usage and Parental Satisfaction in Zhengzhou, China)

Chang Peng Kee^{1,2*}, Li Li² & Ang Xin Yi³

¹School of Media and Communication, Taylor's University, 47500 Subang Jaya, Malaysia

²Faculty of Business, Information and Human Sciences, Infrastructure University Kuala Lumpur, 43000 Kajang, Malaysia

³Universiti Tunku Abdul Rahman, 43000 Kajang, Malaysia

*Pengarang Koresponden: PengKee.Chang@taylors.edu.my

Diserah: 25 Mac 2023

Diterima: 1 Jun 2023

Abstrak: Sebagai wilayah pendidikan utama, Zhengzhou, Henan di China setiap tahun mempunyai hampir satu juta pelajar mengambil peperiksaan kemasukan kolej, maka ibu bapa memberi perhatian yang besar terhadap pendidikan anak-anak mereka dari prasekolah. Buku audio dipilih sebagai medium pembelajaran yang utama kepada kanak-kanak mereka. Tetapi, kepuasan penggunaan buku audio kurang dikaji di tempat ini. Prestasi kanak-kanak menggunakan buku audio mempengaruhi tahap kepuasan ibu bapa terhadap buku audio secara langsung dan seterusnya menguasai perkembangan pasaran dan jangkaan ekonomi buku audio. Justeru, tujuan kajian ini adalah untuk mendapatkan pemahaman yang jelas tentang situasi penggunaan buku audio dan kepuasan ibu bapa terhadap penggunaan buku audio oleh kanak-kanak mereka serta mempertingkatkan perkembangan kanak-kanak prasekolah secara keseluruhannya dengan lebih baik. Kajian ini dijalankan dengan kaedah kuantitatif dan soal selidik telah diedarkan kepada seramai 414 orang responden dalam kalangan ibu bapa. Analisis Regresi Berganda telah dijalankan untuk menguji hubungan antara ciri-ciri buku audio dan kepuasan. Hasil kajian telah menunjukkan bahawa majoriti ibu bapa berpuas hati dan mempercayai buku audio dapat meningkatkan kognisi dan pengetahuan kanak-kanak.

Kata kunci: kanak-kanak; buku; buku audio; ibu bapa; kepuasan

Abstract: As a major educational region, Zhengzhou in Henan, China has nearly one million students taking college entrance exams every year. Parents pay priority to their children's education beginning from preschool education. They provide children with audiobooks as a learning medium and choose the type to suit their children's usage. However, research of user's satisfaction of audiobooks was lacking in this area. The performance of children using audiobooks directly affects the level of parental satisfaction. Therefore, it has the influence on the development of the audiobook market and its economic prospects as well. The purpose of this study is to gain a clear understanding of the situation of audiobook usage and parental satisfaction with the use of audiobooks by their preschool children and to better improve the overall educational development of preschool children. This study applied a quantitative method with questionnaire distributed to 414 respondents among parents. Multiple Regression Analysis was conducted to test the relationship between audiobook characteristics and satisfaction. The results of the study have shown that parents are satisfied with the belief that audiobooks can improve children's cognition and knowledge.

Keywords: children; books; audio books; parents; satisfaction

Pengenalan

Secara umumnya, orang ramai menggunakan media terpilih untuk memenuhi keperluan dan keinginan mereka yang ditetapkan. Kepuasan pelanggan ialah penilaian sikap pelanggan terhadap produk dan perkhidmatan yang digunakan. Jika mereka berpuas hati atas penggunaan tersebut, maka mereka akan terus menggunakan produk dan perkhidmatan tersebut. Penyebaran pesat dan pembangunan berterusan pada zaman teknologi digital telah membawa perubahan yang ketara dalam cara pembacaan, termasuk bilangan kaedah membaca digital juga meningkat dari tahun ke tahun. Berikutnya Zhang (2020), ibu bapa di China semakin banyak melabur dalam pendidikan anak-anak mereka serta mementingkan perkembangan tabiat membaca mereka. Mereka lebih berminat dengan buku audio kerana ia boleh digunakan secara meluas di tadika China sebagai sumber hiburan dan pendidikan.

Seperti yang diketahui, ibu bapa China mempunyai jangkaan yang tinggi atas anak-anak mereka. Terutamanya di Henan, mereka berharap anak-anak mereka mempunyai keputusan yang cemerlang dan kualiti yang lebih menyeluruh. Sehubungan dengan itu, ibu bapa yang mempunyai jangkaan atas kepuasan ini, mereka akan memilih sumber pendidikan berkualiti untuk anak-anak mereka sejak awal. Ibu bapa membeli sebarang ciptaan teknologi baharu yang berdaya atas membawa kejayaan kepada anak-anak mereka. Zhang (2018) percaya bahawa buku audio boleh membina jambatan antara aktiviti membaca "gembira" audio-visual dan pembangunan kualiti pembelajaran kanak-kanak. Antaranya, buku audio merupakan satu medium baharu yang berupaya meningkatkan pengetahuan dan kemahiran tertentu kepada kanak-kanak pada tahun-tahun awal mereka. Penggunaan buku audio juga boleh membawa peningkatan yang ketara atas prestasi tingkah laku, keupayaan membaca dan kemahiran bahasa kanak-kanak.

Teori kegunaan dan kepuasan yang dicadangkan oleh Katz dan Blumler (1974) dapat menunjukkan perkembangan tentang pencarian dan pemerolehan kepuasan ini. Pengguna media akan memperolehi sekiranya matlamat yang memotivasi mereka bertindak menggunakan media tercapai. Tetapi, pengguna akan berasa kecewa jika matlamat atau tujuan tersebut gagal direalisasikan. Chee dan Tan (2021) mengatakan bahawa penggunaan sosial aplikasi media menggalakkan motivasi, sikap pembelajaran yang positif dan menggalakkan penyertaan yang aktif. Menurut Chen (2021), teori ini banyak digunakan untuk mengkaji kesan penggunaan dan ia merupakan pendekatan untuk memahami kenapa dan mengapa orang aktif mencari sesetengah media untuk memenuhi keperluan mereka. Oleh itu, kajian ini mengaplikasikan teori ini untuk memahami kepuasan ibu bapa terhadap penggunaan buku audio.

Sorotan Literatur

1. Situasi Semasa Buku Audio Kanak-Kanak di Luar Negara

Menurut Bao et al. (2020), pada era media baharu, perkembangan buku audio kanak-kanak berubah secara pesat dengan perubahan dalam bentuk produk, kaedah penyebaran dan kaedah penggunaan. Sun (2019) menyatakan bahawa bilangan ibu bapa mendidik anak mereka belajar melalui suara meningkat secara mendadak. Ia telah menjadi satu aliran yang baharu pada generasi ini. Buku audio mempunyai nilai meneruskan budaya cemerlang, memberi inspirasi kepada imaginasi kanak-kanak atas nilai hiburan, dan juga merangkumi nilai pendidikan kandungan yang kaya untuk pertumbuhan kanak-kanak. Tambahan pula, buku audio menggalakkan perkembangan fizikal kanak-kanak dan memenuhi keperluan individu mereka. Berdasarkan proses penyelidikan tentang buku audio kanak-kanak secara mendalam, didapati bahawa buku audio kanak-kanak dapat mendidik telinga "membaca" kanak-kanak dari perspektif pendidikan bahasa, pendidikan tingkah laku, dan pendidikan sains, serta merangsang minat mereka untuk membaca.

Berdasarkan perbincangan pilihan ibu bapa tentang buku audio kepada kanak-kanak, Wei (2017) menyatakan bahawa matlamat penting buku audio adalah untuk memastikan ia membantu kanak-kanak dalam cara yang mudah, terutamanya melalui pendidikan dan kehidupan sehari-hari mereka. Guha (2021) menyatakan buku audio adalah mudah digunakan di mana-mana dan bila-bila masa, motivasi pelajar dapat dipertingkatkan. Perkara yang membantu kanak-kanak akan sentiasa berubah sama ada dari segi teknologi dan trend, dan bukan setiap orang mengetahui kegunaan dan kebaikannya. Walau bagaimanapun, tertimbul sesuatu masalah iaitu kanak-kanak yang berumur antara 3 dan 6 tahun terlalu kecil untuk ditemui bual supaya mengetahui pembantuan buku audio kepada mereka. Walaupun mereka mempunyai sifat ingin tahu, tetapi mereka tidak

sesuai dipilih sebagai responden. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengkaji tentang kepuasan dengan ibu bapa.

Sesetengah aplikasi asing juga tergolong dalam buku audio, seperti *Spotify*, *Podcast* dan beberapa perisian lain yang serupa dengan aplikasi domestik Himalaya membekalkan perkhidmatan mendengar buku kepada orang ramai. Termasuk beberapa alat berjenama, buku audio telah menjadi salah satu cara utama untuk pembaca membaca dan ia melengkapkan kaedah bacaan tradisional secara berkesan, terutamanya bergantung pada platform terminal mudah alih. Ia bukan sahaja dapat mengurangkan masalah penglihatan kanak-kanak yang disebabkan oleh peranti elektronik seperti mesin pembelajaran, peranti tablet dan television, tetapi ia juga membantu atas pembacaan visual dan menyediakan cara baharu untuk kanak-kanak menimba ilmu.

2. Situasi Semasa Buku Audio Kanak-Kanak dalam Negara

Pada era media baharu, bacaan audio diberi perhatian dan digemari oleh ramai orang sebagai cara membaca yang lebih fleksibel. Terutamanya, kanak-kanak yang berada dalam tempoh tumbesaran, ibu bapa bukan sahaja sanggup memberi input ilmu pengetahuan kepada anak-anak, malah mereka juga perlu mengambil kira terhadap penglihatan anak-anak. Menurut data Suruhanjaya Kesihatan dan Kesejahteraan Kebangsaan, pada tahun 2022 kadar rabun untuk kanak-kanak dan remaja di seluruh negara mencapai 53.6% dan menjadikan tugas mencegah dan mengawal kadar kerabunan makin sukar. Oleh itu, pihak sekolah dan ibu bapa bermula mencenderung kepada pemilihan bahan kurikulum sebagai bahan bacaan audio. Masa mendengar buku boleh diselaraskan secara fleksibel mengikut masa penggunaan kanak-kanak. Bahan bacaan audio mudah digunakan dan juga boleh digunakan pada bila-bila masa. Ia juga boleh menjimatkan ruang dan mudah dibawa keluar. Disebabkan itu, ramai ibu bapa tertarik atas penggunaannya.

Kini, dengan populariti pendidikan tinggi dan peningkatan umum pendidikan ibu bapa, permulaan pendidikan anak-anak telah dipandang penting dan ibu bapa semakin memfokuskan kepada penanaman tabiat membaca anak-anak. Menurut Maher (2019), buku audio merupakan alat pembelajaran yang paling berkesan, terutamanya untuk kanak-kanak prasekolah. Pembangunan format buku audio telah memberi impak yang signifikan terhadap cara orang mengakses pengetahuan penting di seluruh dunia. Bagi kanak-kanak, membaca melalui audio mengurangkan halangan kepada kemahiran pembacaan teks mereka dan merupakan cara membaca yang lebih berkesan secara langsung. Bahan bacaan audio mempunyai kelebihan kandungan yang kaya, penggunaan yang mudah alih, telah menjadikan semakin ramai ibu bapa membenarkan anak mereka menggunakan buku audio. Peningkatan penggunaan buku audio secara mendadak oleh kanak-kanak telah menjadi titik pertumbuhan baharu bagi ekonomi bahan bacaan. Di samping itu, dengan kelonggaran dasar anak tunggal China, bilangan anak kedua dan ketiga telah meningkat secara beransur-ansur, bilangan pengguna menjadi pemacu pasaran yang sangat menarik bagi pengeluar buku audio kanak-kanak. Apabila permintaan di pasaran semakin besar, rangsangan ekonomi dapat membantu bentuk penyebaran tentang fungsi produk tersebut.

Metodologi

Berdasarkan Li dan Chang (2021) dapat melihat kajian tentang penggunaan buku audio di China semakin meningkat. Ini telah menunjukkan buku audio menjadi salah satu alat yang banyak dipilih oleh ibu bapa kepada kanak-kanak mereka. Kajian ini dijalankan berdasarkan situasi semasa buku audio kanak-kanak dan memandangkan kanak-kanak prasekolah berumur 3 hingga 6 tahun tidak dapat melengkapkan soal selidik secara persendirian, pengkaji menjalankan kajian ini dari segi kepuasan daripada ibu bapa kanak-kanak untuk mewujudkan kepuasan antara hubungan ibu bapa dan kanak-kanak. Soal selidik ini dibina untuk menyiasat situasi sebenar penggunaan buku audio kanak-kanak dan kepuasan ibu bapa dalam memerhati penggunaan buku audio oleh kanak-kanak. Kajian ini telah dijalankan di beberapa tadika perwakilan yang berperingkat berbeza di Jinshui, Bandar Zhengzhou untuk menunjukkan hubungan antara penggunaan kanak-kanak buku audio dan kepuasan ibu bapa. Kebanyakan adalah tadika yang berperingkat utama. Seramai 414 orang responden telah menjawab soal selidik yang diedarkan. Ini dapat menganalisis sama ada penggunaan buku audio oleh kanak-kanak berguna dan kepuasan ibu bapa. Berdasarkan keputusan soal selidik, pengkaji dapat menganalisis sama ada buku audio berguna dan memenuhi kepuasan ibu bapa serta memudahkan pelarasan dan menaik taraf buku audio kanak-kanak.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

1. Analisis Situasi Semasa Penggunaan Buku Audio Oleh Kanak-Kanak

Pembudayaan tabiat membaca kanak-kanak dan tahap kebolehan membaca saling berkait dengan peningkatan kebudayaan negara. Berdasarkan Laporan Tinjauan Pembacaan Kebangsaan ke-19 yang dikeluarkan oleh Institut Penyelidikan Akhbar dan Penerbitan China menunjukkan bahawa pada tahun 2021, kadar membaca buku kanak-kanak berumur 0-8 tahun di China adalah 72.1 peratus, telah meningkat 0.7 peratus berbanding dengan 71.4 peratus pada tahun 2020. Buku elektronik audio telah menjadi pilihan membaca yang baharu. Secara khususnya, kadar pendedahan bacaan digital untuk kanak-kanak berumur 0-8 tahun ialah 69.2 peratus dan kadar mendengar buku adalah 33.7 peratus. Sebaliknya, kadar pendedahan bacaan digital untuk kanak-kanak yang berumur 9-13 tahun ialah 76.4 peratus dan kadar mendengar buku ialah 31.4 peratus. Berdasarkan data yang dipaparkan, kita dapat melihat bahawa corak remaja China dalam memilih buku bacaan lebih cenderung kepada elektronik dan masa bacaan audio juga semakin meningkat. Situasi ini menunjukkan bahawa buku audio telah menggantikan kebanyakan bacaan tradisional sebagai salah satu bacaan popular di pasaran.

2. Demografi Pengguna Buku Audio

Jadual 1 menunjukkan profil demografi responden berdasarkan jantina ibu bapa. Majoriti ibu bapa yang dikaji adalah perempuan 65.2 peratus dan baki 34.8 peratus adalah lelaki. Bilangan perempuan lebih ramai berbanding responden lelaki. Ini menunjukkan bahawa ibu meluangkan lebih banyak masa untuk berkomunikasi dengan anak-anak mereka dan memainkan peranan penting dalam pendidikan keluarga serta memberi lebih perhatian atas pendidikan anak-anak mereka. Sebaliknya, bapa kurang terlibat dalam pendidikan anak mereka. Seterusnya, tahap pendidikan ibu bapa juga menjadi salah satu faktor mempengaruhi pencarian pengetahuan dan prestasi anak-anak mereka secara langsung.

Jadual 1. Jantina Ibu Bapa

Jantina Ibu Bapa	Peratus (%)
Lelaki	35
Perempuan	65

Sumber: Data kajian lapangan (2022)

Berdasarkan jadual 2, kebanyakan responden berumur antara 21 hingga 30 tahun, iaitu 63.5 peratus, ibu bapa yang berumur antara 31 hingga 40 tahun, iaitu 29.1 peratus, selebihnya 3.6 peratus berumur antara 0 hingga 20 tahun dan bakinya 20 tahun kebawah adalah 3.6 peratus dan 0.9 peratus berumur antara 41 hingga 50 tahun.

Jadual 2. Umur ibu bapa

Umur	Peratus (%)
20 tahun ke bawah	3.6
21 hingga 30 tahun	63.5
31 hingga 40 tahun	29.1
40 tahun ke atas	0.9

Sumber: Data kajian lapangan (2022)

Berdasarkan data ini, pengkaji boleh membuat kesimpulan bahawa ibu bapa yang menggunakan buku audio majoriti adalah ibu bapa selepas 80-an, yang merupakan generasi yang berada di bawah perkembangan pesat media baharu. Generasi ini lebih mudah menerima perkara baharu dengan cepat, dan mempunyai tahap penerimaan yang agak tinggi terhadap perubahan media. Oleh itu, mereka juga sanggup memilih produk teknologi baharu untuk anak-anak mereka. Disebabkan mereka sendiri juga penerima media baharu, mereka

akan mempunyai lebih penerimaan yang selaras dengan anak-anak mereka dan ini merupakan salah satu elemen penting dalam persahabatan ibu bapa dan anak. Sebaliknya, ibu bapa yang lebih tua seperti yang berumur lebih 40 tahun, mereka kurang menerima perkara baharu, terhad oleh kognisi mereka sendiri dan penjagaan anak bayi kedua dan lain-lain menyebabkan pengiktirafan atas penerimaan transformasi produk teknologi baharu lebih rendah.

Berdasarkan jadual 3 pula, hanya 18.8 peratus ibu bapa mempunyai tahap pendidikan diploma dan ke bawah, 59.9 peratus ibu bapa mempunyai pendidikan sarjana muda, 3.8 peratus mempunyai pendidikan sarjana, dan sebahagian kecil daripada 7.5 peratus mempunyai tahap pendidikan doktor falsafah.

Jadual 3. Tahap pendidikan

Tahap Pendidikan	Peratus (%)
Diploma dan ke bawah	18.8
Ijazah Sarjana	59.9
Sarjana Muda	14
Doktor Falsafah (PhD)	7.5

Sumber: Data kajian lapangan (2022)

Ini dapat dilihat bahawa mereka yang memilih untuk menggunakan buku audio untuk anak-anak mereka pada asasnya telah memiliki pendidikan yang baik. Pendapatan dan latar belakang pendidikan ibu bapa mempengaruhi tahap pendidikan anak-anak secara langsung. Berbanding dengan kebanyakan ibu bapa, terdapat beberapa ibu bapa yang mempunyai ijazah sarjana dan kedoktoran. Walaupun peratusan ibu bapa golongan ini tidak tinggi, tetapi mereka mempunyai inisiatif yang sangat tinggi dan mempunyai idea yang kuat serta keperluan berkualiti tinggi atas pendidikan anak-anak mereka. Berkemungkinan mereka kurang masa untuk berkomunikasi dan berinteraksi bersama anak mereka, jadi mereka akan memberi lebih banyak perhatian kepada produk pembelajaran anak-anak dan mempunyai keperluan yang lebih terperinci berdasarkan umur dan tahap pembelajaran anak mereka.

Jadual 4 menunjukkan perspektif ibu bapa tentang aspek kandungan penggunaan buku audio kanak-kanak. Terdapat empat aspek yang memfokuskan iaitu skrip cerita, unsur naratif dan bunyi, kandungan pendidikan dan ingatan cerita.

Jadual 4. Permintaan ibu bapa terhadap penggunaan buku audio

Kandungan Penggunaan Buku Audio	Peratus (%)
Kepelbagaiannya, ketahaman dan pengelasan skrip cerita	58.2
Naratif dan suara yang lebih menarik dan professional	45.7
Kandungan pendidikan yang terperinci, membantu pendidikan keluarga	82.4
Teknologi audio yang kaya, memperkuuh ingatan cerita kanak-kanak	66.3

Sumber: Data kajian lapangan (2022)

Menurut perspektif jangkaan dan permintaan ibu bapa terhadap buku audio kanak-kanak, ibu bapa memandang penting atas kandungan pendidikan buku audio dan mereka berharap penggunaan buku audio dapat melepaskan tekanan pendidikan keluarga mereka sendiri turut membantu mereka menyelesaikan masalah pendidikan keluarga. Ini merupakan keperluan mendesak ibu bapa atas pemilihan buku audio. Selain itu, ibu bapa juga amat mengutamakan unsur bunyi buku audio, seperti pendidikan bahasa Mandarin anak-anak, kemahiran ekspresi dan lain-lain. Mereka berharap anak-anak mereka mempunyai pengaruh dari segi bahasa dan ekspresi oleh buku audio serta meningkatkan taraf sebutan dan keupayaan bercakap dengan kandungan ingatan cerita. Ini juga merupakan faktor yang lebih dipentingkan oleh ibu bapa semasa membuat pilihan buku audio untuk anak mereka. Tsani (2021) menunjukkan bahawa buku audio dapat menggalakkan pelajar atas pemahaman perkataan dengan sebutan dan membantu mereka fokus kepada cerita.

Disebabkan umur kanak-kanak terhad dan tidak berupaya menunjukkan kepuasan mereka, sebagai penjaga, boleh memerhatikan kepuasan anak mereka atas penggunaan buku audio kanak-kanak. Ramai ibu bapa percaya bahawa buku audio dapat meningkatkan kognisi anak-anak mereka, membantu mereka mengetahui lebih banyak perkara secara luas serta memperoleh cara memahami dunia daripada buku audio. Disebabkan itu, ibu bapa berpuas hati kerana buku audio membekalkan bantuan seperti ini. Menurut Kong (2018), disebabkan oleh kesan daripada tiga faktor utama: nilai sumber kandungan pendidikan buku audio kanak-kanak, penyebaran saluran komunikasi, dan pengiktirafan penonton, ibu bapa memberikan perhatian yang lebih banyak semasa pemilihan buku audio. Hal ini demikian kerana, kandungan pendidikan buku audio akan mempengaruhi pemikiran dan kognitif kanak-kanak secara tidak lansung dan ibu bapa perlu memilih kandungan yang lebih sesuai dengan anak mereka.

Jadual 5. Kepuasan ibu bapa terhadap buku audio

Jenis	Peratus (%)
Kepuasan peningkatan pengetahuan peribadi	88
Kepuasan keperluan emosi	67
Kepuasan interaktif antara peribadi dan masyarakat	53
Kepuasan interaksi antara ibu bapa dan anak	82
Kepuasan perlepasan tekanan	78

Sumber: Data kajian lapangan (2022)

Tambahan pula, ibu bapa juga berpuas hati dengan kandungan interaktif yang wujud antara ibu bapa dan anak melalui buku audio. Ini telah membantu kebanyakan ibu bapa yang bertahap pendidikan yang rendan dapat menjalinkan hubungan antara ibu bapa dan kanak-kanak. Tambahan pula, ini dapat mendorong ibu bapa dan anak-anak mempunyai lebih banyak topik yang boleh berbincang bersama-sama. Seterusnya, ibu bapa juga mementingkan peranan buku audio sebagai teman anak mereka dan ia membantu sesetengah ibu bapa menggunakan buku audio bertujuan untuk membebaskan diri. Mereka bukan hanya menemani anak-anak mereka membaca dan belajar, sebaliknya mereka boleh menyerahkan sebahagian masa kepada buku audio untuk mengajar kanak-kanak. Menurut Chen (2018), pelajar lebih fokus semasa menggunakan buku audio. Ibu bapa juga boleh dibebaskan untuk melaksanakan perkara yang lain pada masa persendirian. Aspek ini membantu ibu bapa menangani masalah emosi kebimbangan semasa mendidik anak.

3. Cara Peningkatan Kepuasan Ibu Bapa atas Penggunaan Buku Audio Kanak-Kanak

Memperluaskan keperluan orang awam terhadap buku audio

Dalam era media, buku audio berkembang secara pesat dan data soal selidik menunjukkan bahawa buku audio kanak-kanak masih menjadi kumpulan utama pada masa ini. Oleh itu, keperluan kanak-kanak atas mendengar buku juga mewakili keperluan khalayak memiliki buku audio dan ia masih agak sempit. Pada masa ini, kebanyakan buku audio kanak-kanak dalam pasaran bergantung kepada cerita dan pengetahuan kanak-kanak. Kebanyakannya dibina berdasarkan buku berbentuk kertas untuk mentafsir kandungan teks dengan bahasa audio. Walaupun buku audio menyelesaikan masalah kanak-kanak yang tidak celik huruf tetapi bentuknya agak tunggal dan ibu bapa kurang saluran untuk meluahkan permintaan mereka terhadap buku audio.

Berdasarkan Ampuja (2019), mendengar sebuah cerita sambil menonton buku dapat membantu kanak-kanak mengaitkan makna dan imej pada masa yang sama. Ini merupakan salah satu langkah penting dalam pembelajaran membaca. Sementara itu, kesedaran ibu bapa terhadap ekspresi buku audio agak kurang. Pihak berkenaan berperanan untuk memahami permintaan khalayak secara komprehensif supaya memenuhi jangkaan, meningkatkan permintaan ibu bapa dan kanak-kanak, memperkayakan kandungan, meningkatkan saluran komunikasi dan meningkatkan tahap perkhidmatan. Ini dapat membangunkan buku audio dalam bentuk media baharu yang lebih berbagai. Menurut Aydin dan Tunagur (2021), mendengar buku melalui aplikasi merupakan salah satu aktiviti yang menarik. Oleh itu, aktiviti seperti ini perlu diperluaskan dan dipromosikan kepada orang awam serta memupuk tabiat yang baik.

Membekalkan kandungan yang pelbagai dan keperibadian

Kepelbagaiannya produk elektronik pada zaman ini, ibu bapa muncul pemilihan panik semasa membuat pilihan kerana perkembangan dan pasaran buku audio kurang integrasi. Apabila menghadapi kepelbagaiannya produk teknologi, mereka selalunya mengikut pengalaman sendiri semasa memilih buku audio. Ini lebih cenderung kepada pemikiran inersia semasa membuat pilihan kandungan yang ingin disampaikan kepada anak. Ibu bapa sekarang mempunyai persepsi yang berbeza dengan zaman dahulu dan mereka mempercayai buku audio berguna atas pendidikan anak mereka.

Persepsi ibu bapa mempengaruhi persepsi anak-anak mereka secara langsung dan ia mungkin dilihatkan mementingkan anak-anak, tetapi sebenarnya pemikiran dan pilihan ibu bapa akan mempengaruhi pilihan anak-anak mereka. Disebabkan itu, penyediaan kandungan yang berbagai-bagai dan keperibadian adalah kerana boleh mencipta interaksi dengan medium buku audio mengikut minat kanak-kanak supaya buku audio dapat mengetahui keperluan kanak-kanak. Ibu bapa boleh menyesuaikan buku audio dengan memerhatikan emosi kanak-kanak, tingkah laku, bahasa dan lain-lain supaya menetapkan kandungan yang lebih sesuai dengan anak-anak mereka. Hal ini sedemikian kerana dapat membimbing anak lebih berfokus kepada kandungan dan bukan atas bentuk atau imej produk tersebut. Ini sebenarnya lebih sesuai dengan niat asal ibu bapa atas pemilihan buku audio kepada anak-anak mereka.

Memberi perhatian kepada peningkatan tahap kepuasan ibu bapa dan anak-anak

Perkembangan teknologi telah membawa lebih banyak perubahan kepada penyebaran buku audio. Buku audio dalam pasaran semasa boleh dibahagikan kepada dua bentuk berbeza iaitu produk terminal pintar dan produk suara pintar. Terdapat perbezaan antara penyebaran komunikasi dan kandungan. Penyebaran produk terminal pintar agak terhad, klasifikasi dan pengmaskinian kandungannya lebih tertinggal. Produk suara pintar pula dikekang oleh senario yang berkenaan dan tidak dapat memuaskan hati ibu bapa dan kanak-kanak sepenuhnya.

Dengan perkembangan teknologi, permintaan target audien mempunyai permintaan dan keperluan yang selanjutnya secara teknikal dan psikologi. Perkembangan buku audio harus berfokus atas keperluan target audien untuk menggalakkan kanak-kanak dan ibu bapa mempunyai hubungan interaktif yang rapat dalam proses penggunaan buku audio. Sehubungan itu, dapat memahami dan menggalakkan satu sama lain serta meningkatkan tahap kepuasan antara ibu bapa dan anak-anak.

Kesimpulan

Buku audio kanak-kanak adalah produk yang tidak dapat dielakkan daripada perkembangan sosial terkini dan ia akan terus berkembang dalam era media baharu. Buku audio kanak-kanak bukan sahaja dapat membantu kanak-kanak prasekolah mempelajari pengetahuan budaya, mengetahui segala-galanya di dunia lebih awal dan juga memenuhi rasa ingin tahu serta keperluan pertumbuhan mereka. Menurut Huang (2019), pasaran buku audio kanak-kanak harus mewujudkan lebih banyak kajian, menggunakan buku audio sebagai objek penyelidikan, menggunakan yang berkaitan teori, menganalisis ciri-ciri buku audio dan proses pemasaran serta menggabungkan tinjauan soal selidik untuk meneroka perkembangan buku audio dan mendapatkan tindakan balas yang berkaitan. Penggunaan buku audio secara jangka panjang berupaya menggalakkan interaksi ibu bapa antara kanak-kanak dan ibu bapa, menyedari keperluan kanak-kanak dan ibu bapa dari segi kandungan pembelajaran, ekspresi emosi, sosialisasi bahasa, dan lain-lain, memenuhi sepenuhnya komunikasi antara ibu bapa dan anak-anak. Tambahan pula, peningkatan interaksi keluarga dan penyertaan keluarga merupakan alat pendidikan multimedia yang amat diperlukan dalam pendidikan keluarga masa kini.

Walau bagaimanapun, disebabkan oleh pengaruh kepelbagaiannya pasaran, ibu bapa penuh dengan ketidakpastian dan sifat pemilih apabila memilih buku audio untuk anak-anak mereka. Ramai ibu bapa tidak dapat memahami sepenuhnya keperluan dan kepuasan anak-anak mereka, dengan mempunyai lebih banyak tuntutan terhadap pembangunan dan reka bentuk buku audio kanak-kanak. Tanpa mengira perkembangan zaman, kita seharusnya bermula dari kualiti kandungan, dari keperluan pelanggan, sentiasa memberi tumpuan kepada keperluan interaktif antara kanak-kanak dan ibu bapa, meningkatkan pelaburan teknologi, menyedari keperluan individu pengguna, meningkatkan pengalaman pengguna dan turut memperkasakan dan menggali buku audio yang sesuai dengan keperluan ibu bapa dan anak-anak. Sehubungan dengan itu, dapat mencipta buku audio yang lebih sesuai digunakan oleh kanak-kanak dan meningkatkan kepuasan ibu bapa terhadap buku audio.

Penghargaan: Ucapan terima kasih diucapkan kepada setiap responden iaitu ibu bapa yang terlibat dalam kajian ini. Tidak meninggalkan guru tadika yang terlibat membantu atas pengedaran soal selidik kepada responden yang terlibat dalam kajian ini. Di samping itu, pengarang kedua juga ingin merakamkan penghargaan kepada semua pensyarah dan profesor pelawat di Infrastructure University Kuala Lumpur iaitu pengarang pertama yang berjaya menyempurnakan pengajian Doktor Falsafah dalam Komunikasi di universiti yang sama.

Persetujuan Termaklum: Kajian telah mendapat persetujuan daripada semua responden yang terlibat dalam kajian.

Konflik Kepentingan: Penulis-penulis mengakui bahawa tiada sebarang konflik kepentingan wujud antara semua pihak-pihak yang telah terlibat dalam kajian ini.

Rujukan

- Ampuja, A. (2020). *Homeschool literacy choices: A case study of how parents teach their children with unique learning needs*. [Doctoral dissertation, University of North Carolina]. Carolina Digital Repository. <https://doi.org/10.17615/59ye-3w13>
- Aydin, E., Tunagur, M. (2021). Effect of audiobook applications on listening skills and attitudes of 6th grade students: A mixed-method study. *Buletin of Education Research*, 43(3), 1-21.
- Bao, X., Qu, H., Zhang, R., & Hogan, T. P. (2020). Modeling reading ability gain in kindergarten children during covid-19 school closures. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 17(17), 6371. <http://dx.doi.org/10.3390/ijerph17176371>
- Chee, K. M., & Tan, K. H. (2021). QR codes as a potential tool in teaching and learning pronunciation: A critical review. *Higher Education and Oriental Studies*, 1(1), 31-44.
- Chen, B. (2018). *The influence of listening to books on the effect of reading promotion for primary school students*. [Doctoral dissertation, Chongqing Southwest University].
- Chen, G.H. (2021). A study on the user contact of audiobooks in the age of digital media based on computer technology-A case study of the popular chinese application "Himalaya". *Journal of Physics: Conference Series*, 1-6.
- Guha. S. (2021). Creating audio book for children with visual impairment: The collaborative approach leading to virtual learning, *International Journal of Technology in Teaching and Learning* 16(1), 37-48.
- Huang, X. (2019). *Audiobook Marketing in my country under the Theory of 4I*. [Doctoral dissertation, Hunan Normal University].
- IIMedia. (2020 August 9). *Research report on the development trend of China's audiobook industry in 2020*. https://report.iimedia.cn/repo130/39265.html?acPlatCode=IIMReport&acFrom=recomBar_1020&=75952
- Katz, E., Blumler, J.G., & Gurevitch, M. (1973). Uses and gratification research. *The Public Opinion Quarterly*, 37(4), 509-523.
- Li Li & Chang Peng Kee. (2021). A review of research on Chinese children's reading ability using audiobooks. *Higher Education and Oriental Studies*, 1(3), 22-30.
- Maher. (2019). *Enhancing literacy skills using audiobooks: Comprehension and enjoyment of text in the second-grade classroom*. [Master dissertation, Tampere University of Applied Sciences].
- Sun, L. (2019). *Research on the development of children's Audiobooks in Chinese Publishing Organizations*. [Doctoral dissertation, Beijing Institute of Graphic Communication].
- Tsany, A. Putri. (2021). The implementation of story audiobook in teaching reading narrative text. *Jurnal Pendidikan Indonesia*, 2(07), 1136-1145. <https://doi.org/10.59141/japendi.v2i07.221>
- Wei, Qiyun [韦荞芸]. (2017). Penyelidikan penggunaan berterusan jenama pengguna berdasarkan ulasan produk dalam talian [基于商品在线评论的用户品牌持续使用意愿研究]. *Penerokaan Maklumat* [情报探索], 8, 26-31.
- Zhang, W. (2018). "Happy" reading with sound-a micro-paradigm for cultivating children's learning quality. *Guangxi Education*, 17, 159-160.

Zhang, Yaning [张雅宁]. (2020). *Penyelidikan mengenai faktor pengaruh kesediaan pengguna platform buku audio untuk terus digunakan* [有声读物平台用户持续使用意愿影响因素研究]. Shandong University [山东大学].